

*Melestari Kegemilangan,
Meniti Arus **Evolusi***



Kementerian
Perdagangan
Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal
Pengguna

Judul Buku
Melestari Kegemilangan, Meniti Arus Evolusi

Tahun Terbitan
2018

Penerbit
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal
Pengguna (KPDNHEP)
No. 13, Persiaran Perdana
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya

Tel : 03-8882 5595/6119/5606
Faks : 03-8882 5615/6953
Laman Web : www.kpdnhep.gov.my

Rekabentuk, Konsep dan Susun Atur
MZR Global Sdn Bhd

ISBN 978-983-99762-5-0

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian
dari isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk,
tanpa mendapat izin dari penerbit atau penulis.

Senarai Kandungan

Sekapur Sirih - Perutusan Menteri	002
Seulas Pinang - Perutusan Ketua Setiausaha	003
Maklumat Korporat	004
Pengurusan Tertinggi	007
Carta Organisasi	008

ERA EVOLUSI

Latar Belakang	013
Bangunan Dahulu	014
Bangunan Negeri, Cawangan dan Agensi	016
Logo-Logo Program Kementerian dan Agensi	022
Senarai Menteri	025
Senarai Timbalan Menteri	026
Senarai Ketua Setiausaha	027

KOMPILASI AKTIVITI

Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri	062
Sektor Ketua Setiausaha	086
Sektor Timbalan Ketua Setiausaha (PDN)	106
Sektor Timbalan Ketua Setiausaha (K&P)	142
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	164
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)	176
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)	186

GALERI PENCAPAIAN

209

Sekapur Sirih

Perutusan Menteri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Penerbitan buku “Melestari Kegemilangan, Meniti Arus Evolusi”, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bukan sekadar satu catatan tetapi lebih kepada penghargaan kepada kesemua warga Kementerian yang terlibat dalam menempuh perubahan landskap ekonomi dan sosial mengikut peredaran masa sejak ianya diwujudkan pada tahun 1990.

Buku ini sememangnya telah menyediakan maklumat mengenai peristiwa silam, kenangan pahit dan manis serta detik-detik terpenting dalam tempoh masa lebih dua dekad sehingga ke hari ini. Sorotan peristiwa ini, mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha untuk memastikan wujudnya persekitaran perdagangan pengedaran berdaya saing, berinovasi dan moden di samping pembangunan infrastruktur sedia ada. Tidak ketinggalan juga matlamat Kementerian ini berfungsi memperkasakan hak pengguna dengan menyebar luaskan ilmu kepenggunaan bagi meningkatkan kesedaran dan melahirkan pengguna yang bijak dalam berbelanja.

Kita sewajarnya berbangga dengan pelbagai kejayaan yang telah dicipta meletakkan Kementerian ini pada kedudukan seperti hari ini. Kejayaan yang ditempuhi ini seharusnya dijadikan dorongan dan inspirasi untuk kita terus mencipta kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Tahniah saya ucapkan kepada warga KPDNHEP dan pihak-pihak yang terlibat yang berjaya menerbitkan buku “Melestari Kegemilangan, Meniti Arus Evolusi”, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya pasti buku ini akan jadi rujukan penting warga kerja kini dan juga generasi akan datang terhadap segala usaha yang kita kecapai pada hari ini. Segala daya usaha yang baik mampu mencorak teras perdagangan dalam negeri yang merupakan tunjang pembangunan negara dan tidak ketinggalan pemeraksanaan dalam kepenggunaan demi untuk kelestarian Kementerian dan kesejahteraan rakyat. Selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.



YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
Menteri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Seulas Pinang

Perutusan Ketua Setiausaha

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan berkat keizinan dan limpah kurnia-Nya, buku “Melestari Kegemilangan, Meniti Arus Evolusi” telah berjaya dihasilkan.

Buku ini diterbitkan khas bagi menghimpunkan sejarah, peranan serta kejayaan Kementerian ini dalam memacu keseimbangan pembangunan perdagangan dalam negeri dan pelbagai usaha untuk menjaga kepentingan pengguna demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Penerbitan buku ini antara lain turut merakamkan nostalgia Kementerian sejak ianya ditubuhkan pada 27 Oktober 1990 untuk mentadbir dan membangunkan perdagangan dalam negeri dan menguruskan isu dan hal ehwal pengguna.

Sehingga kini, KPDNHEP telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang khususnya dalam aspek kawal seliaan aktiviti perdagangan dalam negeri, perlindungan hak-hak pengguna, perlindungan harta intelek, pendaftaran perniagaan dan persaingan.

Saya amat berharap buku ini dimanfaatkan sepenuhnya sebagai bahan rujukan yang bernilai oleh semua pihak di sektor awam, swasta dan orang ramai.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi - tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini, terutamanya pegawai kementerian dan agensi -agensi. Semoga dengan usaha dan bakti yang sekelumit ini dapat dijadikan pencetus inspirasi dalam membawa Kementerian ini ke arah kecemerlangan agar dapat memberi sumbangan kepada negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.



YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna



Maklumat Korporat

FUNGSI KEMENTERIAN



KPDNHEP menggubal dasar, strategi dan mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan perdagangan dalam negeri, khususnya dalam Sektor Perdagangan Pengedaran dan Kepenggunaan.



VISI

Perdagangan domestik tunjang ekonomi berpendapatan tinggi

Menggerakkan sektor domestik utama yang berdaya saing, progresif dan mampan.

MISI

Ekonomi domestik berasaskan persaingan adil dan inovatif.

Membangunkan ekosistem perdagangan berasaskan etika dan kepentingan pengguna.



Kementerian
Perdagangan
Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal
Pengguna


MOTTO

Perdagangan
sihat
pengguna
berkat

NILAI TERAS

- Bekerjasama
- Amanah
- Komited
- Adil

Teras Strategik



Pengurusan Tertinggi



TIMBALAN MENTERI
CHONG CHIENG JEN



MENTERI
DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL



KETUA SETIAUSAHA
DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH


Carta Organisasi



TIMBALAN MENTERI
CHONG CHIENG JEN



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PERDAGANGAN DALAM NEGERI)
BADRUL HISHAM BIN MUHD





MENTERI
DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL



KETUA SETIAUSAHA
DATUK SRI JAMIL BIN SALLEH



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(KEPENGUNAAN DAN PENGURUSAN)**
DATUK MUEZ BIN ABD AZIZ

**TRIBUNAL RAYUAN
PERSAINGAN**
SETIAUSAHA TRIBUNAL
(L54/M54)
SAIFULRIJA BIN AZHARI



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



MyIPO Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia




MyCC SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
Malaysian Competition Commission

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DATO' ZAHRAH BINTI
ABD WAHAB FENNER

KETUA PENGARAH
KOSONG

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ISKANDAR BIN ISMAIL



KPDNHEP NEGERI

MELAKA
PENGARAH
(PTD M52)
JAIYA BIN ABU

JOHOR
PENGARAH
(PTD M54)
KHAIRUL ANWAR
BIN BACHOK

PAHANG
PENGARAH
(PTD M52)
DATO' MARK BIN UJIN

TERENGGANU
PENGARAH
(PTD M52)
SAHARUDDIN BIN
MOHD KIA

KELANTAN
PENGARAH
(PTD M52)
KHALID BIN TIK

SARAWAK
PENGARAH
(PTD M54)
DATO' STANLEY TAN

SABAH
PENGARAH
(PTD M54)
GEORGIE ABAS



Era Evolusi

Latar Belakang

Penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengalami beberapa evolusi perubahan peranan dan pentadbiran. Fungsi Kementerian ini pada awal penubuhan April 1956 diletakkan di bawah salah satu fungsi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang tertumpu kepada bidang perdagangan dan mengawasi prestasi eksport barang-barang utama Persekutuan Tanah Melayu, menggalakkan perindustrian, mentadbir rancangan Kerajaan dan Lembaga Letrik Negara serta mengawasi rizab Kerajaan bagi bekalan beras.

Rentetan daripada rusuhan kaum pada tahun 1969, banjir besar dan krisis ekonomi pada tahun 1971 telah menyebabkan gangguan kedudukan bekalan dan pengedaran serta harga barang-barang keperluan. Kerajaan telah melaksanakan penyusunan semula dan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan diubah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berperanan dalam mengawal import dan eksport barangan, menentukan harga barang-barang keperluan serta mengawal amalan dan persekitaran perdagangan yang adil. Susulan itu, Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan secara rasminya pada 17 April 1972 yang berperanan penting dalam mengawal kedudukan harga dan bekalan barang-barang perlu supaya berada di paras yang munasabah, berpatutan dan mencukupi.

Peranan Bahagian-bahagian berkaitan diperluaskan dari tahun ke tahun dan bermula evolusi fungsi serta peranan Kementerian dengan penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 27 Oktober 1990. Bahagian Harta Intelek (BHI) turut diambil alih daripada Pejabat Cap Dagangan dan Paten yang bertanggungjawab dalam mentadbir Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 1976, dan Akta Hakcipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000 dan Akta Petunjuk Geografi 2000. Dalam menghadapi perubahan pembangunan harta intelek di peringkat domestik dan global, BHI telah dijadikan sebuah badan berkanun pada 3 Mac 2003 dan dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) melalui berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002.

Tarikh 16 April 2002 juga telah memahatkan catatan sejarah baru dalam kalendar penubuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna apabila Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menjadi agensi badan berkanun yang pertama bernaung di bawah Kementerian. SSM ditubuhkan bagi mengambil alih peranan dua bahagian lain dalam kementerian iaitu Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dan Pejabat Pendaftar Perdagangan (ROB).

Seterusnya, susulan perwartaan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] pada 10 Jun 2010, sebuah badan berkanun Persekutuan di bawah KPDNHEP telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Jun 2011. Ia dikenali sebagai Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau Malaysia Competition Commission (MyCC). Fungsi MyCC adalah untuk melaksanakan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi negara dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan yang sihat di pasaran demi melindungi kepentingan pengguna.





Menara Maybank
April 1991 - November 1998



Kompleks Dayabumi
November 1998 - Desember 2004

Perluasan fungsi tersebut turut dilaksanakan di peringkat negeri terutama dalam bidang perdagangan dalam negeri, kepenggunaan, penguatkuasaan serta tribunal pengguna. Pada Jun 2009, fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diperluaskan dengan penambahan fungsi koperasi dan pembangunan usahawan yang asalnya daripada Kementerian Pembangunan Usahawan. Perluasan fungsi tersebut dimantapkan dengan penambahan beberapa Bahagian serta 4 Agensi iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia, Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan seterusnya nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Selaras dengan perubahan landskap politik dan pentadbiran Kerajaan pada Pilihanraya Umum ke-14 telah sekali lagi mengubah fungsi Kementerian dan nama Kementerian ditukar kembali kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail telah dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru mulai 2 Julai 2018. Kawal selia bagi sektor koperasi negara dan pembangunan usahawan yang meliputi Bahagian Pembangunan Koperasi bersama 4 Agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia, Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) kini telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan yang telah diwujudkan semula sebagai kementerian baru.



KPDNHEP/KPDNKK Putrajaya
Disember 2004 - hingga kini

Senarai KPDNHEP Negeri



Mini KPDNHEP, Kuala Pilah



KKPDNHEP Negeri Kelantan.
Menara Perbadanan Kota Bharu, Kelantan.



KPDNHEP Negeri Melaka.
Wisma Persekutuan Melaka.



KPDNHEP Negeri Kedah.
Wisma Persekutuan Alor Setar, Kedah.



KPDNHEP Labuan.
Kompleks Ujana Kewangan Labuan, Sabah.



KPDNHEP Negeri Johor.
Menara Ansar Johor Baharu, Johor.



KPDNHEP Negeri Sarawak.
Kuching, Sarawak.



KPDNHEP Negeri Terengganu.
Wisma Persekutuan, Kuala Terengganu,
Terengganu.



KPDNHEP Negeri Selangor.
Menara MRCB Shah Alam Selangor.



KPDNHEP Negeri Sembilan.
Bangunan Akhma, Seremban, Negeri Sembilan.



KPDNHEP Negeri Sabah.
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Kota Kinabalu, Sabah.



KPDNHEP Negeri Perlis.
Kangar, Perlis.



KPDNHEP Negeri Pahang.
Wisma Belia Kuantan, Pahang.



KPDNHEP Negeri Pulau Pinang.
Bangunan Tuanku Syed Putra, Pulau Pinang.



KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Sunway Putra, Kuala Lumpur.



KPDNHEP Negeri Perak.
Bangunan Persekutuan Ipoh, Perak.

Senarai Cawangan



Evolusi Agensi

Agensi-agensi KPDNHEP Dahulu



AGENSI-AGENSI KPDNHEP SEKARANG



Logo-Logo Program Kementerian dan Agensi





Senarai Menteri



YB Tan Sri Abu Hassan bin Haji Omar
15 Mac 1991 sehingga 1 Mei 1997



YB Tan Sri Megat Junid bin Megat Ayob
31 Mac 1997 sehingga 13 Disember 1999



YB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
14 Disember 1999 sehingga 13 Januari 2004



YB Tan Sri Dr. Jamaludin bin Mohd Jarjis
14 Januari 2004 sehingga 31 Mac 2004



YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal
27 Mac 2004 sehingga 9 Mac 2008



YB Tan Sri Shahil @ Shahrir bin Abdul Samad
19 Mac 2008 sehingga 9 April 2009



YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
10 April 2009 sehingga 6 Mei 2013



YB Dato' Sri Hasan bin Malek
16 Mei 2013 sehingga 29 Julai 2015



YB Datuk Seri Hamzah bin Zainudin
29 Julai 2015 sehingga 9 Mei 2018



YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
3 Julai 2018 sehingga kini

Senarai Timbalan Menteri



YB Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir
27 Oktober 1990 sehingga 3 Mei 1995



YB Tan Sri S. Subramaniam Sinniah
4 Mei 1995 sehingga 26 Mac 2004



YB Datuk Veerasingam Suppiah
27 Mac 2004 sehingga 17 Mac 2008



YB Jelaing Mersat
18 Mac 2008 sehingga 8 April 2009



YB Datuk Tan Lian Hoe
10 April 2009 sehingga 15 Mei 2013



YB Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim
4 Jun 2010 sehingga 15 Mei 2013



YB Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah
16 Mei 2013 sehingga 3 Februari 2016



YB Dato' Henry Sum Agong
29 Julai 2016 sehingga 9 Mei 2018



YB Chong Chieng Jen
3 Julai 2018 sehingga kini

Senarai Ketua Setiausaha



YBhg. Dr. Shamsuddin bin Kassim
15 November 1990 sehingga 30 April 1992



YBhg. Dato' Haji Shaharuddin bin Haji Haron
1 Mei 1992 sehingga 9 September 1993



YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat
10 September 1993 sehingga 31 September 1994



YBhg. Tan Sri Datuk Samsudin bin Osman
1 Oktober 1994 sehingga 8 September 1996



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohamad Noor bin Abdul Rahim
9 September 1996 sehingga 15 Disember 1998



YBhg. Dato' Pahamin bin Ab. Rajab
16 Disember 1998 sehingga 22 Februari 2001



YBhg. Dato' Dr. Sulaiman bin Mahbob
23 Februari 2001 sehingga 24 Julai 2004



YBhg. Dato' Seri Talaat bin Haji Husain
25 Julai 2004 sehingga 26 Januari 2007



YBhg. Datuk Mohd Zain bin Mohd Dom
6 Februari 2007 sehingga 25 Disember 2011



YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim
26 Disember 2011 sehingga 4 Februari 2014



YBhg. Dato' Sri Alias bin Ahmad
5 Februari 2014 sehingga 14 Mac 2016




YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh
15 Mac 2016 sehingga kini


1970-an

1970
Pejabat pertama Bahagian Penguatkuasa
di Wisma Damansara, Kuala Lumpur.







7-12 April 1970
 Penyertaan Persatuan Pengguna-Pengguna Selangor dalam Consumer Trade Fair di Stadium Negara, Kuala Lumpur.



10-16 Disember 1970
 Penyertaan Persatuan Pengguna-Pengguna Selangor dalam Pameran Perdagangan Tahunan Malaysia di Stadium Negara, Kuala Lumpur.



1972
Kad Kuasa pertama Bahagian Penguatkuasa.





8 April 1972

Ucapan En. Mohd Khir Johari, Menteri Perdagangan & Perindustrian semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Harga.





17 Oktober 1972

Pegawai penguatkuasa sedang menjalankan pemeriksaan di pasar Jalan Chow Kit ekoran aduan yang diterima berhubung harga bawang.



7 Mac 1974

Pegawai penguatkuasa merampas gula yang disorok bernilai RM1.5 juta di Permatang Pauh, Pulau Pinang.



1 Mac 1974

Seruan YAB Datuk Hussein Bin Onn, Pemangku Perdana Menteri
sewaktu melancarkan kempen Anti-Sorok.

Saudara juga boleh menalipon kepada nombor: Kuala Lumpur 22688 atau melapurkan sendiri kepada:-

PASUKAN PETUGAS KHAS,
Bilik Gerakan,
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,
Wisma Damansara, Jalan Semantan,
KUALA LUMPUR.

Saudara-saudara yang di Sabah boleh menulis kepada:-

Peti Surat 1335,
Kota Kinabalu.

atau talipon kepada nombor: Kota Kinabalu 52362 atau 52350.

Manakala saudara-saudara yang di Sarawak pula boleh menulis kepada:-

Bangunan Electra,
Tingkat 1,
Kuching.

பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கம்

பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கத்தை, 1974 மார்ச் முதல் நான் வெள்ளிக்கிழமையன்று துவக்கி வைத்த இடைக்காலப் பிரதமர், டத்தோ ஹுசேன் பின் ஓன் அவர்கள் விடுத்த அறிகுறியை.

பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கமானது கட்டுப் படுத்தப்பட்ட பொருட்களை பதுக்கி வைப்பதை தடுக்கவும், பதுக்களை ஒழிக்கவும், பதுக்கணில் ஈடுபடுவர்களை தண்டிக்கவும் மேற்கொள்ளப்பட்டதாகும். பதுக்கல் ஒழிப்பு நடவடிக்கையில் சேர்க்கப்பட்டிருக்கும் பொருட்களாவன: அரிசி, சலி, கோதுமை மாவு, உப்பு, பால், சமையலுக்குரிய எண்ணெய், உரவகைகள், சிமெண்டு, கடிமொன் செங்கற்கள், பூச்சிக் கொன்றி, சிபோரீயிக் ஆகியும், அவ்வது ரப்பர் பாலு உரைக்கட்டுவதற்காக பயன்படுத்தப்படும் ஏதாவதொரு ஆகியும், எஃகு கம்பிகள்.

உங்களுக்குத் தெரியும், கட்டுப் படுத்தப்பட்ட பொருட்களைப் பதுக்கி வைப்பதை தடுக்க அரசாங்கம் ஏற்கனவே நடவடிக்கை எடுத்து விட்டது. ஆயினும், அரசாங்கம் என்ன தான் நடவடிக்கை எடுத்தாலும், மக்கள் தாங்களாகவே முன் வராதவரை, எடுக்கப் பட்டிருக்கும் நடவடிக்கைக்கு பலம் வந்த விடாது. பதுக்கல் போன்ற தீயச் செயல்களை எதிர்த்து போரிடுவது அரசாங்கத்திற்கு மாத்திரம் உரிய பொறுப்பல்ல; அது நகர்ப்புறங்களிலும், கிராமப்புறங்களிலும் இருக்கும் ஏழை, பணக்காரர் ஆகிய அனைவருக்கும் உள்ள பொறுப்பாகும்.

கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களை பதுக்கி வைப்பது மறிந்தெடு வகையான தேயி விரோத செயலாகும். மக்களை ஏமாற்றும் செயல் என்றும் நாட்டின் பொருளாதாரத்தை பாதிக்கக் கூடிய செயல் என்றும் இது கருதப்படுகிறது. அவர்களின் நாட்டின் விரோதிகள் என்பதைத்தவிர வேடுவன்றும் கூற முடியாது.

இங்குதான் — விவசாயிக் குழுமங்கள் — இச்செயலை எதிர்த்தும் குழுமங்கள் — பணவீக்கத் தால் பாதிக்கப்பட்டிருக்கும் குழுமங்கள், பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கத்தில் தங்களுடைய பங்கை ஆற்ற முடியும். நம்முடைய பொது நலன்களுக்காக அரசாங்கத்தின் கண்காணும் காதலனாகவும் இருக்க முடியும். வர்த்தக கொள்கை அமைச்சர், ஏனைய அமைச்சர்கள், அரசாங்க இலாகாக்கள் ஆகியவற்றின் அனுபவம் மான ஒத்துழைப்பின் தகவல் அமைச்சர் தளமாக்க கொண்டு இந்த இயக்கம் தொடங்கப்பட்டிருக்கிறது.

இந்த நிலையில் நீங்கள் கேட்கலாம்: பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கத்தில் என்னுடைய பங்கு என்ன, நான் என்ன செய்ய வேண்டும்?

கீழே குறிப்பிடப்பட்டிருக்கும் இடங்களில் கிடைக்கும் கார்டில் எழுதி தகவல் தெரிவிப்பதன் மூலம் நீங்கள் உங்கள் கடமையை ஆற்ற முடியும்.

- எனது கிடைக்குபட்டிருக்கின்ற:
- கோலாலம்பூர், விஸ்வா டமன்சாராவிலுள்ள வர்த்தக, தொழிற் அமைச்சர்.
 - மாவட்ட அலுவலகங்கள்.
 - ஸ்தலத்தொலைபேசி நிலைய அலுவலகங்கள்.
 - வானொலி, தொலைக்காட்சி நிலையங்கள்.
 - தகவல் அலுவலகங்கள்.
 - நம்முடைய தகவல் நிலையங்கள்.

பதுக்கல் சம்பந்தமாக குறிப்பான தகவல்களை இந்தக் கார்டுகளில் எழுத வேண்டும். ஒவ்வொரு பகுதி, நீங்கள் விடுத்த வைத்துக் கொள்ள என் இடம் ஒரு பகுதியாகும். நீங்கள் தரும் தகவல்கள் மூலமாக பெறுவதற்காக அந்தப் பகுதியை பத்திரமாக வைத்திருக்க வேண்டும்.



atau talipon kepada nombor: Kuching 25111.

Segala keterangan yang diberi kepada Kerajaan akan dirahsiakan.

Segala maklumat dan juga keterangan mengenai pengirim aduan akan dirahsiakan sebagaimana amalan-amalan kita di masa lepas. Saya perlu tegaskan, setiap aduan yang mengandungi sebarang maklumat akan diasiat dan tindakan diambil.

Buat sementara, Kempen ini adalah untuk barang-barang kawalan seperti yang saya nyatakan tadi. Tetapi Kerajaan akan menimbang untuk menumbuhkan senarai barang-barang dari masa ke masa.

Kempen ini sangatlah mustahak, kerana ia boleh menjamin supaya barang-barang keperluan sentiasa boleh didapati. Dengan Kempen ini juga kita berharap harga dapat distabilkan.

Kerajaan mengajak rakyat supaya bersama menentang perbuatan menyorok barang. Kejayaan Kempen ini bergantung pada kerjasama, tindakan dan kegiatan saudara-saudara. Alat-alat Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat adalah sentiasa sanggup membantu dan memberikan panduan.

Jayakan Kempen Anti-Sorok ini. Hapusnya penyorokan bererti kurangnya kesulitan kita sendiri. Menolong Kerajaan bererti saudara-saudara menolong diri sendiri.



நீங்கள் தரும் தகவல், பதுக்கி வைக்கப்பட்டிருக்கும் பொருட்களை பறிமுதல் செய்ய உதவும். பறிமுதல் செய்யப்படும் பொருட்களின் மதிப்பைப் பொறுத்த பரிசுகள் \$500 முதல் \$5000 வரை, இருக்கும். கார்டுகளை நூலில் சேர்க்க தயாப் கட்டணம் எதுவும் இல்லை.

இதைத் தவிர, உங்கள் தனிப்பட்ட ஊழல்களையும்:

தயாப் பெட்டி 8000,
கோலாலம்பூர்.

என்னும் முகவரிக்கு அனுப்பி வைக்கலாம். தயாப் கட்டணம் இல்லை.

நீங்கள், கோலாலம்பூர் 22688 என்ற எண்ணைக் கற்றி தொலைபேசியில் தகவல் தரலாம். அல்லது

நடவடிக்கை அறை,
வர்த்தக, தொழில் அமைச்சர்,
விஸ்வா டமன்சாரா,
கோலாலம்பூர்.

என்ற முகவரிக்கு நேரே சென்று தகவல் தரலாம்.

சபா மக்கள் பதுக்கல் பேர்வழிகளைப் பற்றிய தகவல்களை, தயாப் பெட்டி 1335, கோத்தா கின்பாறு என்ற முகவரிக்கோ, அல்லது கோத்தா கின்பாறு 52362, 52350 என்ற எண்ணைக் கற்றி தொலைபேசி மூலமாகவோ தெரிவிக்கலாம்.

ஏரலா மக்கள்:-

பாங்குறான் எலக்ட்ரா,
முதல் மாடி,
கூச்சிங்.

என்ற முகவரிக்கு எழுதுவதன் மூலமோ, அல்லது கூச்சிங் 25111 என்ற எண்ணைக் கற்றி தொலைபேசி மூலமோ தங்கள் தகவல்களைத் தெரிவிக்கலாம்.

தகவல் அளிப்போரைப் பற்றிய குறிப்புகளும், அவர்கள் அளிக்கும் தகவல்களும் ரகசியமாக வைத்திருக்கப்படும். அளிக்கப்படும் ஒவ்வொரு புகாரும் விசாரிக்கப்பட்டு, தேவையான நடவடிக்கை எடுக்கப்படும் என நான் வலியுறுத்த விரும்புகிறேன்.

தற்சமயத்திற்கு இந்த இயக்கமானது, நான் குறிப்பிட்டுள்ள கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களுக்கு மாத்திரம் பொருந்துவதாகும். என்னுடைய கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களின் பட்டியில் வேறு பொருட்களைச் சேர்ப்பது குறித்து அரசாங்கம் அவ்வப்போது ஆலோசிக்கும்.

இவ்வியக்கம் மிக முக்கியமானதொன்று. ஏனென்றால், அதாவலியப் பொருட்கள் எப்பொழுதும் கிடைக்க இது உறுதி செய்யும். அத்துடன் இவ்வியக்கத்தில் மூலம் விவகார இருக்கும் என நாம் நம்புகிறோம்.

கட்டுப்படுத்தப்பட்ட பொருட்களை பதுக்குவதற்கு எதிராக இளைத்து செயல்பட அரசாங்கம் மக்களை வலியுறுத்துகின்றது. உங்கள் ஒத்துழைப்பு, நடவடிக்கைகள் ஆகியவற்றைப் பொறுத்த இவ்வியக்கத்தில் வெற்றி அமைந்துள்ளது. எல்லா நிலையிலுள்ள அரசாங்க அதிகாரிகளும், நிர்வாகங்களும் உங்களுக்கு உதவவும் வழிகாட்டவும் எப்பொழுதும் தயாராக இருப்பார்கள்.

பதுக்கல் ஒழிப்பு இயக்கத்தை ஆதரிப்பீர்கள். பதுக்கலை ஒழிப்பதானது நமது துன்பங்களைப் பதாரும். அரசாங்கத்திற்கு துணையாக இருப்பதன் மூலம் நீங்கள் உங்களுக்கு உதவிக்கொள்வீர்கள்.



1980



取締囤積居奇運動

副首相拿督胡申翁於一九七四年三月一日(星期五)晚上
在展開「取締囤積居奇」運動的儀式上,發出以下呼吁:

取締囤積居奇運動的目的,是在防止和消除統制品有被人囤積和囤積的現象,以及懲罰涉及這種非法活動的人。

這項取締囤積居奇運動所提及的項目,包括米、糖、麵粉、鹽、牛奶、食油(包括椰油)、水(煤油)、肥料、洋灰、透明硬磚、殺虫劑、甲酸(或用來凝結膠乳的醃料)以及鋼鐵條。

大家都知道,政府已經採取措施,避免統制品被人囤積居奇,但是,除非人民挺身而出,否則政府所採取的行動,不能發揮其功效,因為這不只是政府的問題而已,同時也是我們每個人(不論是富長者、窮人或住在城市或鄉區人民)的責任。

非法囤積統制品,是另一種對國家不利的行為,而從事非法囤積的人,是對國家不忠,他們的活動,簡直就是破壞國家的經濟,簡直就是國家的敵人。

基於這點,凡是效忠的公民(受通貨膨脹影响的公民),都應該為了我們的共同福利,而來充作政府的耳目,在這項「取締囤積居奇」運動中,負起他們應負的責任。

這項運動主要是由新聞部推動,同新聞部及工業部和其他政府部門密切合作。

大家也許想知道,在這項「取締囤積居奇」的運動中,能夠作些什麼貢獻。

你可再用印妥的卡片提供情報,而這些卡片可以在下列地方領得:

- * 吉隆坡 **Wisma Damansara** 貿易及工業部
- * 任何一間經署
- * 村長辦事處
- * 電台和電視台任何一個分站
- * 任何一間新聞局 以及
- * 任何一種新聞局流動車

這些卡片應該填以明確有關非法囤積的詳情。每張卡片都有一截印有號碼的,這一截請撕下保留,因為如果你的情報準確,而幫助當局充公沒收非法囤積統制品,你就可以根據這一截卡片領取獎金。獎金額由五百元至五千元以上,視被充公物品的價值而定。寄卡片免收郵費。

除了這些卡片之外,你也可以寫信到:

吉隆坡信箱8000號

你也可以搖電話吉隆坡22688號或親自到下列地址投報:

吉隆坡 **Jalan Semantan, Wisma Damansara** 貿易及工業部行動室。

沙巴人民可以寫信到 **Kota Kinabalu** 信箱1335號或搖電話 **Kota Kinabalu** 52362號或52350號。

砂朥越人民可以寫信到:

Bangunan Electra, Tingkat 1, Kuching.

或搖電話 **Kuching** 25111號。

所提供的情報以及投報人的詳情,將嚴守秘密。我要強調的,就是每一項投報將予以調查,以及跟着採取有關行動。

這項運動目前局限於上面所提的統制品,不過政府將隨時考慮在這些統制品的名單上,增加其他物項。

這項運動非常重要,因為它可以確保必需品隨時在市場上有所供應。此外,我們希望通過這項運動,能夠穩定物價。

政府呼籲人民挺身而出,共同對付統制品被人非法囤積的活動。這項運動是否成功,有賴大家的合作和行動。政府的機關和各級官員,隨時可以在場協助和指示。

請支持這項取締囤積居奇運動。消除非法囤積事件,就等於減輕我們的困難。協助政府就是協助你自己。





1974

YAB Dato' Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri mengadakan sidang akhbar di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung isu bekalan dan harga barang-barang. Di sebelah beliau ialah Tuan Hj. Ibrahim Mohamed, Pengawal Penguatkuasa yang pertama dan di kanannya pula ialah En. Yahya Talib, Timbalan KSU.



16 Julai 1977

Para pemenang Pertandingan Syarahan
Perindungan Pengguna Kategori Sekolah
Menengah di Wisma Radio, Angkasapuri,
Kuala Lumpur.



4 Februari 1974
Timbalan Perdana Menteri,
Datuk Hussein Onn semasa
Sidang Akhbar Kempen Anti Sorok
di Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.

1980-an



1980
Kursus Asas Penguatkuasa di Dewan Sri Jugra, Kuala Selangor.



5 Mei 1981

Pegawai penguatkuasa menunjukkan sebahagian daripada penapis minyak tiruan yang dirampas dari tiga premis di sekitar Kuala Lumpur termasuk kilang pembuatnya di Batu Caves.

1990-an

16 Mac 1991
Sambutan Hari Pengguna Sedunia ke-200
yang dirasmikan oleh
YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
di PWTC, Kuala Lumpur.



1991
Pegawai-pegawai Pendaftaran
Cap Dagangan dan Paten Malaysia.





1994/1995
Mesyuarat Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) 2.



1995
ASEAN Symposium On Training And Teaching Of Intellectual Property.



1996
Majlis Perasmian Hari Pengguna Sedunia oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

1990-an
Tuan Hj. Abu Bakar, Penolong Pegawai Penguatkuasa sedang menimbang gula untuk dijual kepada orang ramai di Teluk Intan semasa krisis bekalan bahan tersebut.



18 Disember 1997
Pelancaran Sistem Pantas Bahagian Harta Intelek.





21 -22 Oktober 1997

Pertandingan Kuiz Pengguna Antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 1997.



1997
Majlis Perasmian Hari Pengguna Sedunia
oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri Malaysia.





13 Julai 1998

Majlis Perasmian Pameran ROC oleh wakil Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

2000-an





24 Februari 2000
Majlis Perasmian Pejabat Tribunal
Tuntutan Pengguna dan Seminar
Undang-Undang Perlindungan Pengguna.



29 Januari 2002
Majlis Perasmian Tribunal
Tuntutan Pengguna Malaysia
di Johor Bahru, Johor.





2002
Taklimat Opsyen Sistem Saraan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM).



27-29 April 2004
World Trade Organization
Regional Workshop.



3 Mac 2005
Anugerah Harta Intelek Negara.



3 Mac 2005

Hari Harta Intelek Negara (HHIN) pertama telah disambut di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka.



16 Mei 2006

Malaysia menjadi ahli kepada Triti Kerjasama Paten (PCT) dan mula berkuatkuasa di Malaysia pada 16 Ogos 2006 sebagai negara ke-131 yang menyertai triti tersebut.



27 April 2007

Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi Perdana Menteri Malaysia sempena sambutan Hari Harta Intelek Negara.



17 Julai 2007

Majlis Pelancaran Mahkamah Harta Intelek telah dirasmikan oleh Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Mananjum (tengah), diiringi oleh YB Datuk Hj Mohd Shafie Hj Apdal (kiri) dan YB Dato' S. Veerasingam (kanan).

muka hadapan

ARKIB : 06/02/2008

PM pengerusikan mesyuarat pertama Majlis Harga Negara

PUTRAJAYA 5 Feb. □ Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Harga Negara (MHN) yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mewujudkan mekanisme kawalan harga barangan secara lebih bersepadu.

Mesyuarat yang diadakan di Pejabat Perdana Menteri itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal; Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

Majlis tersebut yang penubuhannya dipersetujui pada mesyuarat Kabinet 9 Januari lalu merupakan satu jawatankuasa tertinggi dengan segala keputusannya perlu dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan dan diterima pakai oleh sektor swasta berasaskan peruntukan undang-undang.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan tiga inisiatif baru yang diwujudkan di bawah MHN yang dipengerusikan oleh Abdullah untuk memperkukuh strategi bagi memastikan harga barangan keperluan terus stabil dan bekalannya sentiasa mencukupi di pasaran.

Tiga inisiatif itu adalah Stok Penimbal Kebangsaan, Pusat Panggilan Kebangsaan dan kumpulan pakar yang akan memberi nasihat berhubung segala isu berkaitan harga dan bekalan kepada pengguna.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (tengah) mempengerusikan mesyuarat Majlis Harga Negara di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. □ Bernama.

Artikel

Penuh: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0206&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm#ixzz5UGpEGgY7

© Utusan Melayu (M) Bhd

Siti Norma dilantik Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia

PUTRAJAYA 1 April - Bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Siti Norma Yaakob (**gambar**) dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia, manakala lima individu yang lain dilantik sebagai anggota suruhanjaya itu berkuat kuasa hari ini.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lima individu itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Datuk Dr. Micheal Yeh Oon Kheng

dan bekas Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM), Datuk Dr. Sothi Rachagan.

Turut dilantik ialah Dekan Pusat Pengajian Perniagaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Datin Dr. Hasnah Haron; bekas Presiden Majlis Peguam, Ragunath Kasavan dan seorang ahli perniagaan, Abd. Malek Ahmad.

"Selain individu terabit, suruhanjaya turut dianggotai wakil dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Jabatan Peguam Negara; Unit Perancang Ekonomi serta Kementerian saya,"

katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah diwartakan dan dikuatkuasakan mulai Januari tahun ini berdasarkan Seksyen 5 (1).

Menurut Ismail Sabri, kesemua anggota suruhanjaya memulakan khidmat masing-masing bermula hari ini bagi tempoh selama tiga tahun.

Tambahnya, antara fungsi suruhanjaya tersebut adalah menasihati menteri tentang perjanjian antarabangsa berkaitan dengan perkara persaingan dan undang-undang persaingan.

"Ia juga akan memainkan peranan untuk menasihati pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak berkuasa pengawal seliaan yang lain tentang semua perkara berkaitan dengan persaingan," katanya.

1 April 2011

Tan Sri Siti Norma Yaakob dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

Akta persaingan bela pengguna

KANGAR 30 Mei - Kegiatan berpaket untuk memastikan harga barang atau mengurangkan bebanan, mengumpul dan melakukan perdagangan ialah adli akan diwartakan dengan lebih berkesan apabila Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2012, kata Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (SMC) yang dibentuk melalui akta itu akan bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara itu dalam kepentingan rakyat.

Berucap kepada pemberita selepas menghadiri Program Turan Peninggalan Perdana Menteri di sini hari ini, Muhyiddin berkata, suruhanjaya itu beri kuasa untuk mengawal bekalan perolehan yang dapat melakukan perbuatan yang merugikan orang ramai.

Kegiatan kerajaan tidak mahu ia kuar terbelak dengan kenaikan harga barang yang sepatutnya boleh dikawal dan kerajaan juga beralasan besar untuk subsidi harga barang yang membabitkan kos lebih RM20 bilion.

Muhyiddin berkata, kerajaan terpaksa melaksanakan rasionalisasi termasuk mengurangkan subsidi disial bot laut dalam nilai 1 juta. Katanya, mulai 1 Jun pengusaha bot nelayan perlu membayar harga diesel RM1.80 seliter berbanding RM1.35 pada masa ini.

"Syarikat besar yang ada banyak bot laut dalam-pasah pasti mendapat hasil besar dan tak wajar mendapat subsidi sama seperti nelayan lain," katanya sambil menjelaskan bahawa hasil penjajiran itu boleh disalurkan kepada sektor-sektor lain.

Mengawal masalah banjir di Putrajaya.

Is. Muhyiddin berkata, beliau telah mendengar taklimat daripada Menteri Besar Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabri berhubung perkara itu. Katanya, kerajaan berhasrat untuk menyelesaikan masalah itu secara beransur-ansur kerana ia membabitkan kos besar namun sebagai pemuliharaan sebanyak RM18 juta dipuntakkan bagi kerja membaiki saluran di Empangan Tutuh Pasoh dekat sini bagi mengawal banjir.

Selain itu, semua bernasip pada mata yang berlangsung di bulan 2010 itu, beliau berharap rakyat semua menggunakan semangat perpaduan dan tidak mempolitikkan perlembagaan negara sebagai alasan untuk sepi dan mengabaikan perpaduan rakyat.

Tuntutan di majlis itu Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Muhyiddin Mohd Yassin ditemani oleh Hishammuddin Tun Hussein dan Dr. Md. Isa Sabri meninjau jeti LKRN Kuala Perlis, semalam.



1 Januari 2012

Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan.

Akta Persaingan pastikan harga kompetitif



ISMAIL Sabri Yaakob dan Siti Norma Yaakob melakukan gimik perarman pelancaran buku 'ASEAN Competition Law' di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 27 Jun - Semua peralatan peniaga dan syarikat milik kerajaan (GLC) perlu mematuhi Akta Persaingan 2010 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari nanti bagi memastikan pengguna mendapat tawaran harga kompetitif.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, akta itu diyakini dapat menggalakan persaingan dalam perniagaan yang akhirnya memberi keuntungan kepada pengguna.

"Objektif akta tersebut ialah bagi menghalang penetapan harga oleh peniaga, menghalang kartel menentukan harga tertentu dan meregah syarikat daripada monopoli dan menggunakan pengaruh yang ada.

"Selepas ini semuanya, sama rata termasuk GLC yang perlu bersaing bagi memberikan harga kompetitif. Kalau dulu, pelabur luar anggap kita kurang persaingan dan daya saing kerana tidak ada kumpulan yang diberi lebih perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan buku 'ASEAN Competition Law' yang diterbitkan oleh Lexis-

Nexis di sini, hari ini. Datu Jadir, bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Siti Norma Yaakob dan penulis buku tersebut, Dr. R. Ian Mc Ewen.

Tambah Ismail Sabri, pelaksanaan akta itu dapat menurunkan harga di pasaran kerana adanya persaingan antara peniaga dalam usaha menarik pelanggan.

"Sebelum ini, pengguna tidak dihindangi apabila kartel wujudkan kesepakatan dan menetapkan harga yang ditikirkan sesuai dan memberi kesan buruk kepada pengguna.

"Kerentanan yakin, Suruhanjaya Persaingan yang ditubuhkan pada 1 April lalu dan tenaga kerja yang sudah berfungsi sejak 1 Jun lalu, boleh melaksanakan fungsi mereka dengan jangka masa yang ada."

